



FAQ PEMAKLUMAN PERPINDAHAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DARI PUSAT BANDAR DAMANSARA KE PUTRAJAYA

1. Soalan:

Bilakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan berpindah dari Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur ke Putrajaya?

Jawapan:

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dijangka akan berpindah ke Putrajaya mulai Julai 2011 tertakluk kepada sebarang perubahan yang akan dimaklumkan kemudian.

2. Soalan:

Apakah alamat baru KPKT di Putrajaya?

Jawapan:

No.51, Jalan Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.

3. Soalan:

Bahagian atau Jabatan manakah yang akan berpindah dahulu?

Jawapan:

Pejabat YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Teknologi Maklumat dan Unit Komunikasi Korporat.

4. Soalan:

Bagaimana pula dengan Bahagian dan Jabatan yang lain?

Jawapan:

Bahagian dan Jabatan lain yang akan berpindah diatur berdasarkan kedudukan aras seperti di Jadual 1.

BIL	JABATAN / BAHAGIAN / UNIT	LOKASI DI PBD	LOKASI MENGIKUT ARAS DI PUTRAJAYA
1	Jabatan Perumahan Negara	Aras 3, Blok B & Aras 3, 5, 6 Blok F	30-38
2	Jabatan Kerajaan Tempatan	Aras 4, Blok K	25-29
3	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	Aras 4, Blok B	23-24
4	Bahagian Dasar	Aras 3, Blok C	23
5	Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai	Aras 4, Blok K	22

6	Bahagian Korporat	Aras 2, Blok K	20
7	Bahagian Undang-undang	Aras 1, Blok K	19
8	Bahagian Audit Dalam	Aras 4, Blok B	19
9	Bahagian Kewangan dan Perolehan	Aras 3, Blok K	14 - 15
10	Bahagian Sumber Manusia (BSM)	Aras 2 & 5, Blok K	11-12
11	Bahagian Inspektorat	Aras 5, Blok G	10
12	Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (BPPP) termasuk Cawangan Wilayah Barat	Aras 3, Blok K	5-9
13	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)	Aras 2, Blok B	3-4

5. Soalan:

Sekiranya memandu sendiri kenderaan, bagaimanakah cara untuk ke bangunan baru kementerian di Putrajaya?

Jawapan:



Peta Lokasi Bangunan Baru KPKT

6. Soalan:

Bagaimana pula untuk ke Bangunan Baru KPKT di Putrajaya dengan menggunakan pengangkutan awam?

Jawapan:

- ERL - Dari KL Sentral ke Putrajaya Sentral
- Bas Rapid - Bas E1(Dari Pasar Seni ke Putrajaya Sentral)
Bas U42(Dari Stesen KTM Serdang ke Putrajaya Sentral)
- Komuter - Dari KL Sentral ke Stesen KTM Serdang
- Bas Nadi Putra - Bas 601(Dari Putrajaya Sentral ke Bangunan KPKT)

7. Soalan:

Adakah KPKT disediakan kemudahan TASKA? Jika ada di manakah kedudukannya?

Jawapan:

Ya, Aras Bawah (*Ground*) dan Aras 1.

8. Soalan:

Berapakah jumlah kapasiti kanak-kanak yang boleh ditempatkan di TASKA Kementerian?

Jawapan:

Kapasiti TASKA KPKT adalah 80 sehingga 120 orang kanak-kanak.

9. Soalan:

Apakah kriteria utama yang digunakan untuk menempatkan anak-anak di TASKA di Kementerian?

Jawapan:

Ibu / bapa adalah warga KPKT

Umur anak di bawah 4 tahun

Pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 sebulan

10. Soalan:

Bagaimanakah dengan kemudahan tempat meletak kenderaan di bangunan baru KPKT?

Jawapan:

Hanya 404 lot parkir disediakan untuk mereka yang layak.

11. Soalan:

Sekiranya tempat meletak kenderaan di bangunan baru tidak mencukupi, di manakah lokasi sesuai untuk meletak kenderaan?

Jawapan:

Perkara ini sedang dibincangkan dengan pihak PjC, PjH dan JKR.

12. Soalan:

Bagaimanakah cara untuk memohon kuarters di Putrajaya dan adakah permohonan ini diuruskan oleh pihak KPKT?

Jawapan:

Permohonan kuarters di Putrajaya hendaklah diuruskan sendiri oleh pegawai dengan memohon melalui portal Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) Jabatan Perdana Menteri (JPM) di <http://kuarters.bph.gov.my/apply>.

13. Soalan:

Adakah bangunan baru KPKT menyediakan kafetaria?

Jawapan:

Ya, sebuah kafetaria disediakan di 'Ground Floor'. Kafetaria ini dijangka akan beroperasi mulai bulan September 2011.

14. Soalan:

Jika kafetaria masih belum beroperasi, apakah alternatif lain kepada pegawai KPKT?

Jawapan:

Kafetaria dan medan selera yang berhampiran.